

Plot SRC dirancang untuk dapat duit

UM - 11/9/2020 mlb: 12

Oleh SUWARNI MOKHTAR
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perbuatan Datuk Seri Najib Tun Razak tidak mengumumkan kepentingannya dalam syarikat SRC International Sdn. Bhd. (SRC) dan terus mempengerusikan mesyuarat Kabinet ketika isu kelulusan jaminan kerajaan berjumlah RM4 bilion dibincangkan menunjukkan beliau sedar tindakannya salah.

Perkara itu juga jelas menunjukkan niatnya mendapatkan keuntungan peribadi daripada dana dimasukkan ke SRC.

Kenyataan tersebut dibuat Hakim Mahkamah Tinggi di sini, Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali dalam penghakiman penuhnya setebal 801 muka surat.

Hakim itu menyifatkan penyelewengan dana RM42 juta dana syarikat terbabit adalah sebagai jenayah salah guna kuasa, pecah amanah dan perubahan wang haram paling teruk.

Lebih teruk, ia dilakukan individu memegang jawatan paling tinggi pentadbiran negara ketika itu iaitu Perdana Menteri.

Namun, membezakan kes ini dengan kes-kes terdahulu ialah kuasa yang ada pada tertuduh.

“Pembelaan menyatakan satu perkara luar biasa untuk Perdana Menteri bersetuju membenarkan wang RM12 juta dimasukkan ke akaunnya terutama selepas bank memaklumkan jumlah itu boleh membangkitkan amaran berhubung perubahan wang haram,” kata hakim itu.

Penghakiman setebal 801 muka surat itu turut menyatakan, Ahli Parlimen Pekan itu langsung tidak menunjukkan rasa kesal atas sabitan salah dikenakan terhadapnya.

“Saya tidak boleh menafikan bahawa tertuduh merupakan Perdana Menteri. Tidak



Pembelaan menyatakan satu perkara luar biasa untuk Perdana Menteri bersetuju membenarkan wang RM12 juta dimasukkan ke dalam akaunnya.”

**MOHD. NAZLAN
MOHD. GHAZALI**

siapa boleh mempersoalkan sumbangan dibuat tertuduh dalam meningkatkan kehidupan rakyat dalam pelbagai cara selama sembilan tahun.

“Tetapi, saya tidak teragak-agak untuk meletakkan kes ini dalam tahap paling teruk kes jenayah salah guna kuasa, pecah amanah dan perubahan wang haram bukan sahaja kerana cara ia dilakukan tetapi juga ia melibatkan jumlah besar, memberi kesan kepada awam kerana berasal daripada dana kerajaan dan dana persaraan negara. Tertuduh langsung tidak menunjukkan penyesalan,” kata Mohd. Nazlan.

Pada 28 Julai lalu, selepas mensabitkan Najib dengan tujuh pertuduhan, Mohd. Nazlan memerintahkan suami kepada Datin Seri Rosmah Mansor itu dipenjarakan 10 tahun masing-masing bagi tiga tuduhan pecah amanah wang RM42 juta milik SRC.

Bagi tuduhan salah guna kedudukan, Najib diperintah dipenjarakan 12 tahun dan denda RM210 juta dan jika gagal bayar, lima tahun penjara..

Bagi tuduhan perubahan

wang haram, Najib dipenjarakan 10 tahun bagi setiap tuduhan.

Rayuan Najib terhadap keputusan Mahkamah Tinggi itu ditetapkan untuk pengurusan kes di Mahkamah Rayuan, Putrajaya pada 15 Oktober ini.

Mengulas lanjut, hakim itu berkata, semua bukti dikemukakan sepanjang perbicaraan membolehkan mahkamah membuat dapatan keseluruhan ‘episod’ penyelewengan dana RM42 juta dirancang dengan teliti oleh tertuduh termasuk ‘wataknya’ dalam melakukan jenayah tersebut dan tindakan mengawal SRC bagi mendapatkan faedah kewangan.

“Penubuhan SRC berkeungkinan dirancang, dipertimbangkan dan dibuat dengan sengaja oleh tertuduh atas arahnya dalam plot berterusan untuk menyalahguna duit dimiliki SRC bagi kepentingan peribadi yang dicapai melalui perpindahan wang sebanyak RM42 juta oleh Ihsan Perdana Sdn. Bhd. (IPSB) dalam tiga transaksi ke dalam akaun peribadinya,” ujar Mohd. Nazlan.

Selain itu katanya, ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau Jho Low sebenarnya alat utama Najib dalam memastikan cek-cek dikeluarkan sebelum wang didepositkan ke akaun peribadinya bagi kegunaan sewaktu bercuti dan membeli barangan mewah.

“Tiada mana-mana individu di negara ini termasuk Jho Low boleh menipu atau menghalang Perdana Menteri ketika itu yang juga Menteri Kewangan untuk mengakses pe-

nyata akaunnya sendiri, sekiranya tertuduh ingin berbuat demikian. Persoalan bahawa Jho Low sengaja menyembunyikan penyata akaun itu adalah dongeng semata-mata,” ujar Mohd. Nazlan.

NAJIB TUN RAZAK

